

25 MAY 2000

LING SERAH SURAT PERMOHONAN CUTI KEPADA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 25 Mei (Bernama) -- Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik telah menyerahkan surat permohonan bercuti selama dua minggu kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Setiausaha akhbar beliau, Oong Boon See yang dihubungi hari ini bagaimanapun enggan menyatakan bila Dr Ling akan mula bercuti dengan alasan permohonan itu belum diluluskan oleh Dr Mahathir.

Dr Ling yang juga Presiden MCA semalam mengumumkan beliau akan bercuti selama dua minggu atas saranan Perdana Menteri yang mahukan beliau menimbang semula keputusannya untuk meletak jawatan sebagai Menteri Pengangkutan.

Oong berkata Dr Ling akan merasmikan konvensyen tahunan MCA Kelantan dan Terengganu esok.

Pada hari yang sama beliau juga akan merasmikan bangunan baru Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Chung Hwa di Jertih, Terengganu.

Beliau berkata mesyuarat Jawatankuasa Pusat MCA yang dijadual dipengerusikan Dr Ling Sabtu ini telah ditangguhkan sehingga satu tarikh yang belum ditetapkan.

Katanya Dr Ling tidak akan menghadiri beberapa program yang dijadual diadakan di Perak pada Ahad ini.

Program terbabit ialah mesyuarat agung Gabungan Persatuan Lim di Manjung dan majlis makan malam sempena perayaan ulang tahun ke-8 Gabungan Persatuan Lim.

-- BERNAMA  
NY NMO